



24 Januari 2017
24 January 2017
P.U. (A) 30

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN) 2017

FEES (REGISTRATION OF COMPANIES WITH MINISTRY OF FINANCE) ORDER 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan) 2017**.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan bagi maksud perolehan Kerajaan bagi bekalan dan perkhidmatan.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini, “syarikat” ertinya suatu pemilik tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, syarikat, firma perunding, pertubuhan, koperasi atau mana-mana entiti yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia.

Pembayaran fi

4. (1) Fi yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual hendaklah dibayar oleh suatu syarikat kepada Akauntan Negara Malaysia berkenaan dengan perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mengikut masa yang ditentukan dalam ruang (4).

(2) Fi yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan.

Pembatalan, kecualian dan peralihan

5. (1) Perintah Fee (Pendaftaran Kontraktor) 1984 [*P.U. (A) 405/1984*] dibatalkan (selepas ini disebut sebagai “Perintah yang dibatalkan”).

(2) Apa-apa permohonan yang dibuat di bawah Perintah yang dibatalkan dan yang belum selesai sebaik sebelum Perintah ini berkuat kuasa hendaklah diuruskan di bawah Perintah ini seolah-olah permohonan itu dibuat di bawah Perintah ini.

(3) Apa-apa pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran yang diluluskan di bawah Perintah yang dibatalkan dan berkuat kuasa sebaik sebelum Perintah ini berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sehingga tempoh yang diluluskan bagi pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran itu tamat atau pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran itu dibatalkan.

JADUAL

[Perenggan 4]

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Perkhidmatan</i>	(3) <i>Fi (RM)</i>	(4) <i>Masa fi perlu dibayar</i>
1.	Memproses setiap permohonan baharu untuk pendaftaran syarikat	50.00	Semasa permohonan dibuat
2.	Memproses setiap permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat	50.00	Semasa permohonan dibuat
3.	Mengeluarkan Sijil Akuan Pendaftaran bagi setiap pendaftaran baharu	400.00	Selepas permohonan diluluskan
4.	Mengeluarkan Sijil Akuan Pendaftaran bagi setiap pembaharuan pendaftaran	400.00	Selepas permohonan diluluskan